

Kajian jambatan Labuan bermula tahun depan

DE 9.11.2017 1



KOTA KINABALU: Kajian kebolehlaksanaan projek jambatan menghubungkan pulau bebas cukai Labuan dengan tanah besar Sabah yang diumumkan dalam Bajet 2018 dijangka dimulakan tahun depan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan (**gambar**).

Beliau berkata peruntukan sebanyak RM14.31 juta bagi menjalankan kajian itu mencakupi aspek teknikal dan ekonomi telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan pakar perunding akan dilantik mulai bulan ini.

Katanya kajian itu antara lain akan mengambil kira jajaran jambatan, lokasi mula-akhir jambatan serta teknologi akan diguna pakai dan menurutnya beliau menjangkakan kajian berkenaan tidak akan mengambil masa terlalu lama untuk disiapkan.

"Pelaksanaan kajian ini penting untuk memastikan aspek teknikal termasuk rekaan kejuruteraan awalan, audit keselamatan jalan dan kajian lapangan pihak ketiga seperti pemeriksaan tanah, kajian perisir pantai, kajian trafik dan kajian alam sekitar.

"Di samping itu, kajian ini juga akan dapat memberi penilaian dalam penyediaan kewangan serta kos projek (berdasarkan konsep reka bentuk awalan) sama ada menggunakan bajet pembangunan atau menerusi model Inisiatif Pembibayaan Swasta (PFI)," katanya kepada

pemberita selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Transformasi Sosial, Komuniti dan Pembangunan Mampan 2017 di sini, pada Rabu.

Persidangan tiga hari bermula Selasa lepas itu dianjurkan bersama oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Sultan Zainal Abidin Terengganu dan The Imus Institute of Science and Technology, Filipina.

Mengulas lanjut, Abdul Rahman berkata dapatkan kajian kebolehlaksanaan itu akan digunakan sebagai penanda aras untuk peringkat seterusnya pelaksanaan projek berkenaan termasuk permintaan cadangan dan panggilan bagi tender terbuka selain mengenal pasti pelabur bersesuaian dari pada sektor swasta.

Katanya kajian seumpama itu sebelum ini pernah dilaksanakan oleh beberapa universiti tempatan termasuk UMS dan Universiti Malaysia Sarawak pada 2010 yang antara lain mengetengahkan keperluan Jambatan Labuan-Menumbok, namun ia tidak secara menyeluruh serta tidak mengambil kira penilaian ekonomi dan kewangan projek.

Abdul Rahman berkata projek jambatan menghubungkan Labuan dan Sabah itu menjadi keutamaan kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri kerana ia mampu menjadi pemangkin kepada pembangunan di kedua-dua kawasan berkenaan.

"Jambatan itu (di Sabah) juga akan disambungkan ke jajaran Lebuhraya Pan Borneo bagi memastikan perjalanan lebih selesa dan lancar," katanya dan pada masa sama mengingkatkan rakyat supaya tidak termakan dakwaan tidak berasas daripada pihak tidak bertanggungjawab yang mendakwa kajian yang akan dilaksanakan itu adalah kajian biasa sahaja.